

**TITAH UCAPAN RAJA MUDA PERLIS  
DI MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN PPIPT DAN  
PELANCARAN BUSINESS ON WHEEL UniMAP  
8 FEBRUARI 2012**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM  
DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA  
MENGASIHANI  
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

- 1) Alhamdulillah. Syukur ke hadhrat Allah SWT kerana mengizinkan kita untuk bersama-sama pada majlis bersejarah buat warga Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan (PPIPT) pada pagi ini.
- 2) Terlebih dahulu Beta ingin menyampaikan rasa penghargaan dan terima kasih Beta kepada pihak UniMAP iaitu dari Pejabat Naib Canselor dan PPIPT yang telah sudi menjemput Beta hadir menyempurnakan acara.
- 3) Semoga dengan sempurnanya majlis perasmian sebentar lagi, akan melonjakkan lagi nama PPIPT UniMAP di persada antarabangsa sekaligus menjadi antara sekolah perniagaan yang disegani.
- 4) Laporan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara 2020

telah memberikan petunjuk bahawa fungsi dan tanggungjawab sesebuah universiti telah berubah dalam satu bentuk yang sangat ketara. Antara lainnya, globalisasi telah menuntut lanskap serta ekosistem IPT berubah secara revolusi bagi menentukan modal insan turut berubah daripada ekonomi berasaskan pengeluaran kepada ekonomi berasaskan pengetahuan.

- 5) Turut terkandung di dalam pelan tersebut ialah fungsi baru IPT dalam konteks pengurusan kewangan yang mana IPT perlu meneroka kaedah pembiayaan alternatif yang luas dan mempelbagaikan saluran sumber kewangan.
- 6) Justeru, bersesuaian dengan fungsi dan objektif penubuhan PPIPT, sukalah Beta menyeru di sini agar pusat pengajian ini bukan hanya menjadi gedung untuk menyalurkan ilmu keusahawanan dan perniagaan kepada mahasiswa sebaliknya pada masa sama turut menjana kewangan sendiri.
- 7) Dan atas dasar itulah, Beta menyambut baik pelaksanaan program Business On Wheel (BOW) yang mana ia merupakan antara inisiatif terbaik untuk mengetengahkan budaya keusahawanan dan perniagaan di kalangan mahasiswa, alumni dan warga UniMAP keseluruhannya.

- 8) Sebagai sebuah IPTA, Beta melihat penjanaan kewangan atau “Wealth Creation” ini boleh diperoleh melalui tiga aspek utama iaitu bidang penyelidikan dan pembangunan, akademik dan lain-lain.
- 9) UniMAP sebagai sebuah universiti yang berteraskan kejuruteraan sememangnya telah diakui hebat dalam bidang penyelidikan dan pembangunan. Dan ini dibuktikan melalui pelbagai kejayaan yang telah diraih di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.
- 10) Namun, kejayaan ini sahaja tidak mencukupi sekiranya kita tidak mampu menjana kewangan menerusi produk yang dihasilkan. Sebagai contoh, Business On Wheel yang dilancarkan pada hari ini merupakan produk sedia ada yang mana PPIPT membimbing usahawan yang ingin menjalankan perniagaan.
- 11) Tetapi jika dinilai secara lebih mendalam, Business On Wheel ini mampu membantu UniMAP menjana lebih banyak sumber kewangan. UniMAP sewajarnya menggunakan kepakaran yang dimiliki dalam bidang mekanikal, elektronik, bahan dan pembuatan untuk menghasilkan jentera Business On Wheel yang lebih canggih atau dalam erti kata lain, apakah “future development” yang boleh dihasilkan oleh Business On Wheel ini.

- 12) Beta melihat, kekangan yang wujud di IPT pada masa kini ialah kegagalan untuk mengkomersialkan produk untuk pasaran. IPT wajar mendekatkan diri dengan industri-industri terutama Industri Kecil dan Sederhana untuk berkolaborasi bagi memastikan produk yang dihasilkan mempunyai pasaran.
- 13) UniMAP pada masa kini mempunyai pelbagai produk yang mempunyai manfaat kepada masyarakat antaranya mesin pemerah santan, mesin keropok lekor dan mesin membuat telur asin, justeru setiap penyelidik perlu agresif untuk memastikan produk-produk ini mendapat tempat di pasaran terbuka.
- 14) Amat menyedihkan apabila penyelidik dan pensyarah pada masa ini terlalu menumpukan kepada aspek penerbitan dan penulisan dan terlepas pandang peluang yang boleh diraih melalui pengkomersialan. Sebagai contoh jika sesebuah produk boleh dijual pada harga RM3 juta, penyelidik boleh menggunakan wang tersebut untuk menjalankan lebih banyak kajian dan pada masa sama menghasilkan penulisan.
- 15) Inilah sebenarnya budaya “multitasking” yang sewajarnya ada pada diri pensyarah atau penyelidik di IPT. Mereka tidak hanya mengajar, memberikan kuliah sebaliknya

minda pensyarah harus dipupuk untuk menjalankan pelbagai kerja-kerja lain diluar waktu mengajar untuk penjanaan kewangan kepada Universiti.

- 16) Dalam bidang akademik pula, Beta melihat Penyarah sewajarnya bertindak “memasarkan” diri mereka di peringkat tempatan dan antarabangsa. Dengan jawatan Profesor atau Profesor Madya serta bidang pengkhususan tertentu, sewajarnya ia menjadi nilai tambah kepada pakar akademik ini untuk menawarkan kepakaran masing-masing kepada industri.
- 17) Dalam konteks PPIPT misalnya, tenaga akademik yang mempunyai kepakaran pemasaran sewajarnya membantu universiti untuk memasarkan apa jua produk yang dihasilkan di UniMAP untuk pasaran luar. Melalui cara ini, ia akan meningkatkan reputasi dan nilai seseorang tenaga akademik itu sendiri.
- 18) Proses memasarkan diri sendiri ini telah berkembang pesat di negara-negara luar yang mana, tenaga akademik bertaraf Profesor diundang untuk menjadi penceramah atau motivator kepada sektor industri dan ini sebenarnya yang masih kurang di Malaysia.
- 19) Dalam aspek lain-lain pula, Beta merasakan terdapat

beberapa bidang yang boleh ditawarkan oleh universiti kepada pihak-pihak luar. Kelebihan-kelebihan yang dimiliki ini boleh dijadikan kursus jangka pendek dengan menetapkan kadar bayaran tertentu.

- 20) UniMAP, perlu mengorak langkah strategik yang lebih berani untuk melaksanakan pendekatan penjanaan kewangan ini untuk masa depan yang lebih gemilang. Manfaatkan staf yang dimiliki yang mana staf merupakan aset sesebuah universiti.
- 21) Penjanaan Kewangan tidak dapat direalisasikan tanpa kemampuan dan kekuatan warga UniMAP untuk menterjemahkannya kepada sesuatu yang berdaya saing.

Sekian,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.